



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)  
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-23 (1/2022) SECARA DALAM TALIAN**

---

Tarikh : 15 Februari 2022 (Selasa)  
Masa : 9.30 pagi  
Platform : secara dalam talian menerusi aplikasi *Zoom Meeting*  
Kehadiran : seperti di **Lampiran A**

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
<b>23.1</b>	<b>Aluan Pengerusi</b>  Pengerusi:  (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-23 (1/2022) secara dalam talian melalui Aplikasi <i>Zoom Meeting</i> .  (b) mengalukan kehadiran ahli baharu mesyuarat iaitu Encik Abdullah Arshad yang dilantik sebagai Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) bermula pada 07 Februari 2022.  (c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Encik Shahrizan Hashim mantan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) yang telah berkhidmat bermula 03 September 2020 hingga 02 Februari 2022.  (d) memaklumkan mesyuarat pada kali ini akan menfokuskan kepada pengesahan laporan pencapaian objektif dan pemantauan pelaksanaan ISMS sepanjang tahun 2021 sebelum	<b>Makluman</b>  <b>Makluman</b>  <b>Makluman</b>  <b>Makluman</b>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
23.2	<p>dibawa untuk pelaporan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-53 pada 22 Februari 2022.</p> <p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-21 &amp; Ke-22 (Khas) Secara Dalam Talian</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan dua (2) minit mesyuarat berikut tanpa pindaan, iaitu:</p> <p>(a) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-21 secara dalam talian pada 13 Julai 2021; dan</p> <p>(b) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-22 (Khas) secara dalam talian pada 01 Disember 2021.</p>	<p><b>Makluman</b></p>
23.3	<p><b>Perkara Berbangkit</b></p> <p>(a) Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-21 dan Ke-22 (Khas) adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 3.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum berhubung tiga (3) perkara berbangkit yang perlu diambil tindakan oleh pasukan ISMS yang terlibat iaitu:</p> <p>(i) <u>Minit 21.8 (d)</u> - mengambil maklum berhubung status kesediaan Sistem UPMIP (UPM Intellectual Property) yang masih dalam proses pembangunan semula sehingga penghujung tahun 2022. Berikutan itu, mesyuarat meminta supaya pemakluman dibuat kepada pihak PSP bagi memastikan kesediaan mereka bagi perluasan skop ISMS fasa akan datang yang dijangka akan dilaksana pada tahun 2025.</p> <p>(ii) <u>Minit 22.4.1</u> - meminta Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) melaksanakan</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Penyelaras ISMS</b></p> <p><b>Ketua, Pasukan</b></p>

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
<b>23.4</b>	<p>perbincangan dengan pihak Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik, Kolej Kediaman dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi bagi mendapatkan penyelesaian berkaitan isu tahap keselamatan maklumat Sistem eDaftar dan kaedah komunikasi yang lebih selamat dengan pelajar.</p> <p>(iii) <u>Minit 22.4.2 (d)</u> – meminta peneraju ISMS/entiti yang belum melaksanakan tindakan penutupan penemuan Audit Dalaman Tahun 2021 (NCR dan OFI) supaya mengambil tindakan segera dan menghubungi Juruaudit terlibat untuk tujuan penutupan sebelum pelaksanaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2022.</p> <p>Bagi tujuan pemantauan, mesyuarat meminta supaya senarai penemuan AD ISMS 2021 yang belum ditutup melebihi tempoh dihebahkan untuk semakan dan tindakan peneraju ISMS/entiti yang terlibat.</p>	<p><b>Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)</b></p> <p><b>Peneraju ISMS/Entiti terlibat</b></p> <p><b>Penyelaras ISMS</b></p>
	<p><b>Laporan                    Objektif                    Keselamatan                    Maklumat</b></p>	
	<p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Disember 2021 adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 4</b> yang dibentangkan semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum kesemua tiga (3) objektif ISMS tahun 2021 telah mencapai sasaran berdasarkan pengukuran semasa Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah yang berlaku pada 2 hingga 3 Ogos 2021 (Diploma) dan 9 hingga 10 Oktober 2021 (Bacelor) di Kampus Serdang dan Bintulu serta Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua 2020/2021 yang dijalankan oleh pihak Pusat Pembangunan Akademik pada 31 Mei hingga 30 November 2021.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil maklum ringkasan pencapaian objektif ISMS tahun 2021 adalah seperti berikut:</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

Minit	Agenda				Tindakan/ Makluman														
	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="370 279 440 359">Bil</th> <th data-bbox="440 279 755 359">Kenyataan Objektif</th> <th data-bbox="755 279 979 359">Sasaran &amp; Pencapaian</th> <th data-bbox="979 279 1203 359">Peneraju ISMS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="370 359 440 632">1.</td> <td data-bbox="440 359 755 632">Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian</td> <td data-bbox="755 359 979 632">100% (UPM Serdang)/ <b>100%</b>  98% (UPM Bintulu)/ <b>100%</b></td> <td data-bbox="979 359 1203 632">Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="370 632 440 827">2.</td> <td data-bbox="440 632 755 827">Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan</td> <td data-bbox="755 632 979 827">≤ 3 jam / <b>Tiada gangguan sistem aplikasi</b></td> <td data-bbox="979 632 1203 827">Pasukan Pusat data</td> </tr> <tr> <td data-bbox="370 827 440 1060">3.</td> <td data-bbox="440 827 755 1060">Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik</td> <td data-bbox="755 827 979 1060">80% / <b>81.47%</b></td> <td data-bbox="979 827 1203 1060">Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran & Pencapaian	Peneraju ISMS	1.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	100% (UPM Serdang)/ <b>100%</b>  98% (UPM Bintulu)/ <b>100%</b>	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu)	2.	Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 3 jam / <b>Tiada gangguan sistem aplikasi</b>	Pasukan Pusat data	3.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80% / <b>81.47%</b>	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	<p>(d) Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan data pencapaian objektif ISMS bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2017 hingga 2021 yang menunjukkan <i>trend</i> pencapaian yang konsisten setiap tahun kecuali bagi objektif berkaitan penilaian pengajaran yang merekodkan ketidakcapaian sasaran bagi dua (2) tahun pertama pengukurannya iaitu pada tahun 2019 dan 2020 sebelum berjaya mencapai sasaran pada tahun 2021.</p> <p>(e) Mesyuarat meneliti dan bersetuju untuk menggugurkan dua (2) objektif ISMS sedia, mengekalkan satu (1) objektif dengan penambahbaikan kaedah pengukuran dan mewujudkan tiga (3) objektif baharu bagi pengukuran tahun 2022 untuk diambil tindakan oleh Pasukan ISMS terlibat. Perincian mengenai objektif ISMS beserta sasaran yang dipersetujui untuk pengukuran tahun 2022 adalah seperti di <b>Lampiran B</b>.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP ISMS, Penyelaras ISMS &amp; Ketua Pasukan ISMS</b></p>
Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran & Pencapaian	Peneraju ISMS																
1.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	100% (UPM Serdang)/ <b>100%</b>  98% (UPM Bintulu)/ <b>100%</b>	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu)																
2.	Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 3 jam / <b>Tiada gangguan sistem aplikasi</b>	Pasukan Pusat data																
3.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80% / <b>81.47%</b>	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti																

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
23.5	<p><b>Laporan Penyata Pemakaian (Statement of Applicability (SoA)) &amp; Dokumentasi ISMS</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumentasi ISMS adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 5.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum berhubung pemakaian dokumen rujukan ISMS yang terkini melalui paparan eISO UPM dengan tarikh kemaskini 1 Disember 2021 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS; dan</li> <li>(ii) Dokumen Penyata Pemakaian (SoA).</li> </ul> <p>(c) Mesyuarat mengambil maklum semakan terhadap kedua-dua dokumen rujukan ISMS akan dilaksana secara berkala berdasarkan keperluan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Perubahan struktur organisasi ISMS;</li> <li>(ii) Perluasan skop/entiti ISMS;</li> <li>(iii) Penemuan Audit ISMS; dan</li> <li>(iv) Perubahan dokumentasi/proses kerja/kawalan terhadap keselamatan maklumat.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
25.6	<p><b>Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Pelaksanaan Penilaian Risiko ISMS Tahun 2021 adalah sebagaimana dinyatakan di <b>Laporan Agenda 6.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat dimaklumkan Penilaian Risiko Semakan Mac 2021 ini telah dibawa dan disahkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-20 (Khas) pada 30 Mac 2021 dan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-51 pada Julai 2021.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
23.7	<p><b>Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan pelaksanaan 16 aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disediakan oleh empat (4) Pasukan ISMS bagi tempoh Ogos 2021 hingga Januari 2022 adalah seperti di <b>Laporan Agenda 7.0</b> yang dibentang semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mencadangkan supaya setiap pasukan membuat pemantauan berkala terhadap aktiviti tahunan ISMS pasukan masing-masing bagi membantu kelancaran pelaksanaan ISMS secara keseluruhan di UPM.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Semua Ketua Pasukan ISMS</b></p>
23.8	<p><b>Hal-Hal Lain</b></p> <p><b>23.8.1 Takwim Aktiviti ISMS Tahun 2022</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian berhubung Takwim Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2022 sepertimana pada <b>Laporan Agenda 8.1</b> yang dibentang. Perancangan merangkumi aktiviti ISMS seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja, Bengkel Penilaian Risiko, Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA), Audit Dalaman, Audit SIRIM, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan Aktiviti Perluasan Skop.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta supaya Takwim Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2022 ini dihebahkan kepada ahli pasukan ISMS masing-masing.</p> <p><b>23.8.2 Laporan Analisis Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2020/2021</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Analisis Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2020/2021 sepertimana pada <b>Laporan Agenda 8.2</b> yang dibentang.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Semua Ketua Pasukan ISMS</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
<p data-bbox="191 1350 261 1381"><b>23.9</b></p> <p data-bbox="302 1350 670 1381"><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p data-bbox="302 1430 1222 1503">Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	<p data-bbox="440 285 1222 842">(b) Mesyuarat mengambil maklum Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2020/2021 telah dilaksanakan secara atas talian pada 31 Mei hingga 30 November 2021 kepada pelajar prasiswazah di Kampus Serdang dan Bintulu menggunakan aplikasi <i>survey monkey</i>. Analisis yang dijalankan menunjukkan 81.5% daripada 1,160 responden (pelajar prasiswazah) berpuas hati dan memberikan penilaian pada skala 4 dan ke atas terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran di UPM. Selain daripada itu, pencapaian mengikut item (soalan) juga adalah pada tahap baik iaitu dengan skor min 4.24.</p> <p data-bbox="440 877 1222 1031">(c) Mesyuarat mengambil maklum kaedah untuk meningkatkan jumlah responden bagi kaji selidik ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada mesyuarat akan datang.</p> <p data-bbox="440 1066 1222 1297">(d) Mesyuarat bersetuju meluluskan Laporan Analisis Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2020/2021 untuk dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-53 pada 22 Februari 2022.</p>	<p data-bbox="1252 285 1403 317"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1252 890 1403 921"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1252 1073 1403 1146"><b>Penyelaras ISMS</b></p>

---

**SENARAI KEHADIRAN**  
**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN**  
**MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-23 (1/2022)**  
**SECARA DALAM TALIAN**

---

**HADIR**

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) - **Pengerusi**
2. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Puan Haslida Hassan (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
5. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
6. Encik Nuruliman Ibrahim (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
7. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
8. Ts. Mohamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
9. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
10. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
11. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) - **Setiausaha**

**TURUT HADIR**

1. Encik Adidi Tamin (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
2. Encik Mohd Amaludin Salleh (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
3. Puan Fairuz Muchtar (Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik)
4. Puan Kasmaria Zawawi (Urusetia CQA)

**TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)**

1. Dato' Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
3. Encik Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
4. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)



**CADANGAN PERUBAHAN & PENETAPAN OBJEKTIF ISMS TAHUN 2022**

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2022	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Catatan
1.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	100% (UPM Serdang)  98% (UPM Bintulu)	Peratusan pelajar baharu yang membayar yuran secara atas talian	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	<b>Digugurkan</b> atas justifikasi berikut:  1. Telah mencapai sasaran yang ditetapkan selama lima (5) tahun berturut-turut.  2. Kawalan pembayaran yuran pengajian pelajar prasiswazah secara atas talian sepenuhnya telah dilaksana melalui Sistem eDaftar.
2.	Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 3 jam	Jumlah masa yang diambil untuk memulihkan sistem	Pasukan Pusat Data	<b>Digugurkan</b> atas justifikasi objektif ini telah mencapai sasaran yang ditetapkan selama lima (5) tahun berturut-turut.
3.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Peratusan pelajar memberi skor penilaian sekurang-kurangnya 4.00 pada skala Likert 5.00	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	<b>Dikekalkan</b> dengan penambahbaikan pada kaedah pengukuran iaitu ' <b>Peratusan pelajar mencatatkan min skor keseluruhan 4.00 (skala likert 5.00) dalam kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS</b> '

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2022	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Catatan
4.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80%	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang & Bintulu)	<b>Objektif baharu diwujudkan.</b>
5.	Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi SMP menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	<b>Objektif baharu diwujudkan.</b>
6.	Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi BlastTA menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	<b>Objektif baharu diwujudkan.</b>